



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN BOMBA (TATALAKU PEGAWAI BOMBA) 2003

[P.U. (A) 388/2003]

Sebagaimana pada 1 April 2023

DITERBITKAN OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
2023

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN BOMBA
(TATALAKU PEGAWAI BOMBA) 2003

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 23 Oktober 2003

Tarikh permulaan kuat kuasa 1 November 2003

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

Cetakan Semula Yang Pertama 2009

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988****PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN BOMBA
(TATALAKU PEGAWAI BOMBA) 2003**

SUSUNAN PERATURAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Kewajipan mematuhi Tatalaku

JADUAL

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN BOMBA (TATALAKU PEGAWAI BOMBA) 2003

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 62(1)(g) Akta Perkhidmatan Bomba 1988 [*Akta 341*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Tatalaku Pegawai Bomba) 2003**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 November 2003 dan hendaklah terpakai bagi semua Pegawai Bomba.

Kewajipan mematuhi Tatalaku

2. (1) Tiap-tiap Pegawai Bomba hendaklah mematuhi Tatalaku Pegawai Bomba sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual.

(2) Pelanggaran mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini oleh mana-mana Pegawai Bomba boleh menyebabkannya dikenakan tindakan tatatertib mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [*P.U. (A) 395/1993*].

JADUAL

TATALAKU PEGAWAI BOMBA

1. Memakai dengan sepatutnya pakaian seragam yang lengkap, kemas dan segar semasa bertugas.
2. Mempamerkan tanda nama atau kad pengenalan semasa bertugas.
3. Memelihara penampilan diri seperti berambut pendek, bauk nipis, misai didandan rapi dan tiada janggut.
4. Menunjukkan hormat dalam perkataan, perbuatan dan tingkah laku terhadap mana-mana Pegawai Bomba yang berpangkat kanan daripadanya.
5. Bertindak adil terhadap mana-mana Pegawai Bomba yang berpangkat rendah daripadanya.
6. Hadir tepat pada waktunya untuk apa-apa perbarisan, kelas pengajaran, mahkamah atau tugas lain sebagaimana yang diarahkan.
7. Berada pada setiap masa di dalam Bilik Kawalan Utama, atau Bilik Kawalan, atau Bilik Pengawal, dan tidak meninggalkan tempat itu tanpa kebenaran atau sebab yang munasabah sehingga diganti dengan tetap.
8. Tidak berada di dalam Bilik Kawalan Utama atau Bilik Kawalan apabila dia tidak ditugaskan di situ padanya tanpa apa-apa sebab yang munasabah.
9. Mengelakkan penggunaan kekerasan yang tidak perlu terhadap mana-mana orang semasa menjalankan tugas.
10. Menunjukkan kegagahan dan keberanian semasa menjalankan tugasnya.
11. Melaporkan apa-apa kerosakan terhadap pakaian seragam, peralatan atau kelengkapannya yang lain yang dibekalkan kepadanya dan yang diletakkan di bawah jagaannya.
12. Tidak menyembunyikan apa-apa aduan atau laporan terhadap mana-mana Pegawai Bomba.
13. Memakai pakaian seragam yang lengkap semasa memandu mana-mana kenderaan Perkhidmatan Bomba.
14. Tidak memandu atau membenarkan dipandu mana-mana kenderaan Perkhidmatan Bomba dengan kelajuan yang berlebihan dan tidak membenarkan kenderaan itu menjadi lebih muatan tanpa apa-apa sebab yang munasabah.

Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba 7
(Tatalaku Pegawai Bomba)

15. Mengguna, mengawal dan menyenggarakan kenderaan Perkhidmatan Bomba dan kelengkapan lain dengan betul, kemas dan sempurna.
16. Tidak menggunakan mana-mana kelengkapan lain Perkhidmatan Bomba bagi maksud selain yang diluluskan baginya.
17. Tidak membenarkan mana-mana kenderaan Perkhidmatan Bomba membawa mana-mana orang yang bukan Pegawai Bomba kecuali dengan kebenaran.
18. Tidak bersubahat melakukan apa-apa perbuatan atau cuba untuk melakukan apa-apa perbuatan yang boleh disifatkan melanggar Tatalaku Pegawai Bomba.

Dibuat 6 Oktober 2003
[KPKT(S) 01/840/3; PN(PU²)471/IV]

DATO' SERI ONG KA TING
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988

**PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN BOMBA
(TATALAKU PEGAWAI BOMBA) 2003**

SENARAI PINDAAN

Undang-undang
yang meminda

Nama

Berkuat kuasa
dari

-TIADA-

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988****PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN BOMBA
(TATALAKU PEGAWAI BOMBA) 2003****SENARAI PERATURAN YANG DIPINDA**

Peraturan	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
	-TIADA-	
